

UMNO akan kaji hasrat Pesaka: Dr. M

KUALA LUMPUR, Isnin — Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed yakin UMNO akan menimbangkan permohonan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) untuk diserapkan ke dalam UMNO dan menjadi cawangan parti tersebut di Sarawak.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu pemberita di pejabatnya hari ini, PBB bagaimanapun belum lagi membuat permohonan rasmi untuk diserapkan menjadi sebahagian

dari UMNO.

"Majlis Tertinggi UMNO akan membincangkan perkara tersebut bila PBB mengemukakan permohonannya," kata Dato Seri Dr. Mahathir yang juga menjadi Naib Presiden UMNO.

Bellau berkata demikian ketika mengulas kenyataan yang dibuat oleh Presiden PBB, Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Rahman Yakub di Kuching kelmarin yang menyatakan beliau akan berlepas ke ibunegara minggu depan untuk membincangkan perkara tersebut.

Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Rahman berkata, dengan tertubuhnya UMNO di negeri Sarawak, hubungan erat antara negeri itu dengan Semenanjung Malaysia akan bertambah kukuh dan mencegah anasir-anasir anti-nasional dari memecah-belahkan perpaduan rakyat negeri itu.

Timbalan Perdana Menteri berpendapat, ada baiknya jika PBB diserapkan ke dalam UMNO dan perkara tersebut telah disebut-sebut oleh Ketua Menteri Sarawak itu kepadanya beberapa bulan sebelum pilihan raya umum baru-baru ini.

"Bagaimanapun, langkah untuk menjadikan PBB sebahagian dari UMNO mungkin terhalang kerana persembagaan UMNO menghadkan keahliannya kepada orang-orang Melayu sahaja, sedangkan PBB membuka keahliannya kepada semua kaum Bumiputera di negeri itu tanpa mengira agama," kata Dato Seri Dr. Mahathir.

"Tetapi ada juga terdapat orang-orang Siam di negeri Kedah yang menjadi ahli UMNO sama ada secara rasmi atau tidak, itu saya tidak tahu," tambahnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia